



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
30 MEI 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- Papan iklan haram diroboh selepas raya

10



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 30 MEI 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Papan iklan haram diroboh selepas raya
Muka Surat	10

KHAMIS • 30.05.2019

UTUSAN KOTA

UM 30/5/19 MS 10

Papan iklan haram diroboh selepas raya

SEREMBAN 29 Mei - Kira-kira 400 papan iklan yang dipasang secara haram di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan negeri ini yang tidak membuat permohonan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) akan diroboh selepas Hari Aidilfitri nanti.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan Dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong berkata, memandangkan pemilik-pemilik papan iklan gagal memberi maklum balas walaupun tempoh berpatutan telah diberikan, pihak berkuasa akan merobohkan struktur berkenaan selepas hari raya ini.

"Kerajaan telah memberi tempoh sehingga 15 April lalu untuk mengemukakan permohonan tetapi majoriti gagal berbuat demikian.

"Kami beri mereka lebih banyak masa sehingga hari raya ini sebelum struktur haram itu terbabit," katanya di sini baru-baru ini.

Kebanyakan struktur itu, katanya, didirikan di atas tanah kerajaan dan beliau kesal kerana pemiliknya gagal mematuhi nasihat kerajaan negeri yang berusaha menjadikan pemasangan papan iklan itu mematuhi undang-undang.

"Mereka meraih puluhan ribu ringgit dalam pendapatan iklan tetapi tidak bersedia untuk memohon permit. Ini sesuatu yang tidak wajar," katanya.

Kok Seong memberitahu, PBT berkaitan telah mengeluarkan notis untuk meruntuhkan 177 struktur tersebut manakala 75 papan iklan lain perlu diturunkan kerana tidak dibina mengikut spesifikasi ditetapkan.



TEO KOK SEONG

"Mereka meraih puluhan ribu ringgit dalam pendapatan iklan tetapi tidak bersedia untuk memohon permit. Ini sesuatu yang tidak wajar."

"Kami tidak boleh berkompromi dengan perbuatan ini kerana ia menimbulkan bahaya kepada orang ramai," katanya.

Ujarnya, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menurunkan struktur haram berkenaan.

Menurutnya, PBT juga telah mengeluarkan 331 kompaun kepada pemilik kerana memasang papan iklan secara tidak sah.

Jelasnya, papan iklan yang didirikan di tanah persendirian juga perlu memohon kepada PBT berkaitan.